KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

## AHAD, 26 NOVEMBER 2023

## LAPORAN HARIAN

JKM JPW LPPKN ISM LKM YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

# LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

MALAYSIA MADANI

www.kpwkm.gov.my kpwkm

26/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 1 | **SEXUAL HARASSMENT TRIBUNAL SET TO START BEFORE YEAR END, SAYS MINISTER** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/11/24/sexual-harassment-tribunal-set-to-start-before-year-end-says-minister/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/tribunal-anti-gangguan-seksual-dijangka-beroperasi-sebelum-januari-2024-nancy-447439 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=ziNP5M8T05I | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 2 | **12 MASJID WILAYAH PERSEKUTUAN JADI PUSAT ADUAN, KAUNSELING MANGSA KEGANASAN RUMAH TANGGA** | |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1181536/12-masjid-wilayah-persekutuan-jadi-pusat-aduan-kaunseling-mangsa | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1033973/12-masjid-dipilih-sebagai-pusat-aduan-khidmat-kaunseling | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/25/12-masjid-wp-jadi-pusat-aduan-kaunseling-mangsa-keganasan-rumah-tangga/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |
| | https://berita.rtm.gov.my/nasional/senarai-berita-nasional/senarai-artikel/12-masjid-di-wilayah-persekutuan-dipilih-sebagai-pusat-perlindungan-nancy | BERITA.RTM.GOV.MY |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/25/domestic-violence-12-mosques-in-ft-to-serve-as-complaint-counselling-centres-says-nancy | THESTAR.COM.MY |
| | https://www.wilayahku.com.my/12-masjid-wilayah-persekutuan-jadi-pusat-aduan-khidmat-kaunseling/ | WILAYAHKU.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2247894 | BERNAMA.COM |

26/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 3 | **KANAK-KANAK DICABUL DI PPS DIBERI KAUNSELING** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1033979/kanak-kanak-dicabul-di-pps-diberi-kaunseling | HMETRO.COM.MY |
| | https://www.buletintv3.my/jenayah/kanak-kanak-mangsa-cabul-warga-emas-di-pps-diberi-kaunseling/ | BULETINTV3.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 4 | **5,050 WANITA JADI MANGSA KEGANASAN TAHUN INI** | |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/25/kes-keganasan-terhadap-wanita-masih-di-tahap-membimbangkan/ | KOSMO.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 5 | **SAYA DAPAT KEPUASAN – HARTINI** | |
| | https://www.utusan.com.my/seri/2023/11/saya-dapat-kepuasan-hartini/ | UTUSAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 6 | **25 NOV 2023 SPM@KUD–CERITA PAGI KELANTAN:JKM PASTIKAN KEBAJIKAN PENDUDUK TERJEJAS BANJIR DIUTAMAKAN** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=2d7KEGQY8i0 | YOUTUBE |
| | https://www.youtube.com/watch?v=T3iZqwh0iew | YOUTUBE |

26/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 7 | **4 BERADIK DALAM JAGAAN BAIK - NANCY** | |
| | https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1033780/4-beradik-dalam-jagaan-baik-nancy | HMETRO.COM.MY |
| | https://malaysiagazette.com/2023/11/24/empat-beradik-ditinggal-di-pondok-pengawal-kini-dalam-jagaan-baik-nancy/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/636361/berita/semasa/empat-beradik-kini-dalam-jagaan-baik---nancy | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1181280/4-beradik-ditinggalkan-di-pondok-pengawal-kini-dalam-jagaan-baik | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2247755 | BERNAMA.COM |
| | https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/24/abandoned-siblings-in-safe-hands-says-nancy | THESTAR.COM.MY |
| | https://selangorkini.my/2023/11/empat-beradik-ditinggal-di-pondok-pengawal-kini-dalam-jagaan-baik/ | SELANGORKINI.MY |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/empat-beradik-ditinggalkan-di-pondok-pengawal-kini-dalam-jagaan-baik-nancy-447435 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.youtube.com/watch?v=lDJAADZAJFk | YOUTUBE |
| | https://beritabaik.net/2023/11/24/4-beradik-ditinggalkan-di-pondok-pengawal-kini-dalam-jagaan-baik-nancy/ | BERITABAIL.NET |
| | https://newswav.com/article/four-abandoned-siblings-in-safe-hands-now-nancy-A2311_1NskmK | NEWSAV.COM |
| | https://www.buletintv3.my/nasional/empat-beradik-ditinggalkan-di-pondok-pengawal-dalam-jagaan-baik-nancy/ | BULETINTV3.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=ebxRYfJHdLY | YOUTUBE |
| | https://newswav.com/article/empat-beradik-kini-dalam-jagaan-baik-nancy-A2311_fWoNUg | NEWSAV.COM |

26/11/2023

| | | |
|---|---|---|
| | https://www.nst.com.my/news/nation/2023/11/982422/four-abandoned-siblings-safe-and-sent-hospital-nancy | NST.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=ksyVtZ3gsg4 | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 8 | **SOCIAL WELFARE DEPARTMENT TRACKING DOWN PARENTS OF FOUR ABANDONED SIBLINGS** | |
| | https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/25/social-welfare-department-tracking-down-parents-of-four-abandoned-siblings/104187 | MALAYMAIL.COM |
| | https://malaysiagazette.com/2023/11/25/jkm-bakal-jaga-empat-beradik-motac-semak-semula-kelayakan-syarikat-pengendali-umrah-mgflash/ | MALAYSIAGAZETTE.COM |
| | https://www.bernama.com/bm/news.php?id=2247882 | BERNAMA.COM |
| | https://www.astroawani.com/berita-malaysia/jkm-perak-kesan-ibu-bapa-empat-beradik-ditinggalkan-di-pondok-pengawal-447502 | ASTROAWANI.COM |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/jkm-cari-ibu-bapa-empat-beradik-ditinggalkan-tanpa-penjagaan/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1181603/jkm-perak-kesan-ibu-bapa-empat-beradik-ditinggalkan-di-pondok-pengawal | BHARIAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/636459/edisi/perak/ibu-bapa-empat-beradik-ditinggalkan-belum-dapat-dikesan | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.kosmo.com.my/2023/11/25/jkm-perak-kesan-ibu-bapa-tinggalkan-4-anak-di-kampung-gajah/ | KOSMO.COM.MY |
| | https://www.youtube.com/watch?v=uNgeaoxvjNQ | YOUTUBE |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 9 | **LAWYERS CONCERNED OVER GREY AREAS IN ANTI-SEXUAL HARASSMENT ACT** | |
| | https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/11/25/lawyers-concerned-over-grey-areas-in-anti-sexual-harassment-act/ | FREEMALAYSIATODAY.COM |

26/11/2023

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 10 | **WANITA DICABUL KETIKA DAPATKAN RAWATAN BUANG SAKA** | |
| | https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/wanita-dicabul-ketika-dapatkan-rawatan-buang-saka/ | UTUSAN.COM.MY |
| | https://www.sinarharian.com.my/article/636504/berita/semasa/wanita-dicabul-ketika-rawatan-tradisional-dakwa-ada-saka | SINARHARIAN.COM.MY |
| | https://www.bharian.com.my/berita/kes/2023/11/1181594/suri-rumah-dicabul-bomoh-ketika-rawatan-buang-saka | BHARIAN.COM.MY |

| BIL | PERKARA | SUMBER |
|---|---|---|
| 11 | **SAMBUTAN HARI MENANGANI KEGANASAN TERHADAP WANITA** | |
| | https://www.youtube.com/watch?v=GdjxT-ZjVZ0 | YOUTUBE |

# Sexual harassment tribunal set to start before year end, says minister

Nancy Shukri says the tribunal will be based at the ministry temporarily while its office is being renovated.

Shahrul Shahabudin - 24 Nov 2023, 10:45pm

18 Shares Share Tweet Share Email



*The Anti-Sexual Harassment Act 2022 was gazetted on Oct 18 last year after receiving the consent of the Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdullah Sultan Ahmad Shah on Oct 8. (File pic)*

KUALA LUMPUR: The tribunal formed as part of the recently passed Anti-Sexual Harassment Act 2022 will begin to take on cases by the end of the year, says women, family and community development minister Nancy Shukri.

She said the ministry is waiting for the appointment of the 10 tribunal members, including the panel's president and deputy president, by the Attorney-General's Chambers.

*Stay up-to-date by following FMT's* **Telegram** *channel* FMT

"The attorney-general is determining (the appointment of the tribunal members) for us," Nancy said in a press conference after the international day for the elimination of violence against women in Kuala Lumpur.

She said the tribunal would be based at the ministry in Putrajaya temporarily, while waiting for the renovation of its permanent office.

The Anti-Sexual Harassment Act 2022 was gazetted on Oct 18 last year after receiving the consent of the Yang di-Pertuan Agong Sultan Abdullah Sultan Ahmad Shah on Oct 8.

In October, Nancy said the ministry had obtained approval to appoint the 10 panel members. She said the tribunal would also be responsible for determining how the cases would be handled under the Act.

# Kanak-kanak dicabul di PPS diberi kaunseling

Noor Hidayah Tanzizi
hidayah.tanzizi@hmetro.com.my



NANCY berucap merasmikan sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita. FOTO Bernama

Kuala Lumpur: Dua kanak-kanak perempuan yang disyaki menjadi mangsa cabul lelaki warga emas di sebuah pusat pemindahan sementara (PPS) di Kuala Nerus, Terengganu sudah diberikan kaunseling oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, kaunselor pihak berkenaan juga mengambil maklum mengenai kejadian itu dan pelakunya juga sudah ditahan pihak polis untuk tindakan lanjut.

"Kita memang sentiasa ada kaunselor di situ (di PPS banjir) dan tanpa ada kes itu (kaunselor juga) memang memberi kaunseling sebab mereka berhadapan banjir apatahlah lagi mereka yang ada kes seperti itu (gangguan seksual).

"Memang ada kaunselor (memberi kaunseling kepada mangsa)

Pegawai kita peka (dengan kejadian itu) sebab itu tindakan cepat diambil," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang media pada Program Eliminate Violence Against Women (EVAW) sempena Sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita 2023 di Dewan Hiliran Ampang di sini, hari ini.

Katanya, pihaknya komited mempertingkatkan kesedaran mengenai anti gangguan seksual bagi memastikan kejadian sama tidak berulang di semua lokasi.

"Ini menjadi satu peringatan kepada pusat itu supaya lebih peka (dengan isu berkaitan gangguan seksual kerana) kalau tiada kesedaran maka kes itu tidak diketahui," katanya.

Terdahulu media melaporkan, polis menahan seorang lelaki warga emas kerana disyaki melakukan amang seksual terhadap dua kanak-kanak perempuan berusia tujuh tahun.

Ketua Polis Terengganu, Datuk Mazli Mazlan dipetik berkata, suspek berusia 61 tahun yang juga mangsa banjir di PPS sama ditahan susulan dua laporan polis dibuat oleh keluarga dua kanak-kanak berkenaan.

Disiarkan pada: November 25, 2023 @ 3:26pm

# 5,050 wanita jadi mangsa keganasan tahun ini

Oleh HARRITH HISHAM 25 November 2023, 2:54 pm




Gambar hiasan

PETALING JAYA – Kes keganasan terhadap wanita masih berada pada tahap membimbangkan apabila sebanyak 5,050 kes direkodkan sejak Januari hingga Ogos tahun ini.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, jumlah itu melibatkan kes keganasan rumah tangga, rogol dan gangguan seksual di seluruh negara.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 9,334 kes keganasan dicatatkan pada tahun 2021, manakala 8,580 kes pula pada tahun 2022.

"Kebanyakan kes keganasan terhadap wanita dilakukan orang yang dikenali. Terdapat juga kes yang tidak dilaporkan kerana masalah dalaman keluarga atau peribadi.

"Justeru kementerian menggerakkan kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita sempena sambutan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita hari ini.

"Kempen ini mengajak seluruh rakyat Malaysia memakai pakaian berwarna jingga bagi mempamerkan solidariti dalam menghentikan keganasan terhadap wanita dan kanak-kanak," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

KPWKM dengan kerjasama United Nations Population Fund (UNPFA) turut mengadakan simbolik pelancaran kempen menerusi sinaran cahaya jingga di Menara Kuala Lumpur semalam.

Tambah Nancy, pihaknya komited untuk terus melindungi wanita khususnya mereka yang menjadi mangsa keganasan dengan pelaksanaan pelbagai perkhidmatan, program dan inisiatif berkaitan.

"Antaranya adalah penggubalan Akta Antigangguan Seksual 2022 dan program Advokasi Antigangguan Seksual (AAGS) bertujuan untuk memberikan kesedaran dan pendidikan kepada masyarakat.

"Setakat ini, sebanyak 65 program AAGS dilaksanakan pada tahun 2023 melibatkan seramai 25,251 peserta. Program ini turut merangkumi Program Jerayawara KASIH KPWKM@Advokasi Antigangguan Seksual," jelasnya. – KOSMO! ONLINE

## Saya dapat kepuasan – Hartini







Oleh INTAN SUHANA CHE OMAR · 25 November 2023, 7:30 am

SAYA dapat kepuasan.

Itu reaksi Pengasas bersama Yayasan Chow Kit (YCK) Datuk Dr. Hartini Zainudin sewaktu diajukan soalan mengenai kerja-kerja amal beliau lakukan melibatkan kanak-kanak yang memerlukan di Chow Kit, Kuala Lumpur.

Tambahnya, soalan itu sememangnya sudah acap kali ditanyakan kepada dirinya, lantaran jika difikirkan secara logik, ia bukan sesuatu yang boleh menjana keuntungan.

Sebaliknya beliau mencari kepuasan dalam setiap titik peluh dilakukan demi kebajikan kanak�kanak di situ.

"Saya rasa puas bila melihat kanak-kanak gembira dan berasa selamat dengan kemudahan kami sediakan.

"Sehinggakan ada yang tidak mahu pulang ke rumah kerana terlalu seronok dengan aktiviti dan kemudahan kami sediakan di Pusat Aktiviti Kanak-Kanak (PAKK) di Chow Kit ini. Itu yang saya mahu lihat, anak-anak gembira," katanya ketika ditemui di PAKK baru-baru ini.

Aktivis kanak-kanak itu sememangnya tidak asing lagi di negara ini, sementelah beliau antara aktif menyuarakan hak dan melindungi kanak-kanak, tidak kira apa jua latar belakang mereka.

PAKK adalah salah satu institusi di bawah YCK yang menjadi tempat persinggahan dan asuhan sementera buat anak-anak di kotaraya itu ketika ibu bapa mereka keluar bekerja.

YCK diasaskannya pada 2007 mendapat kerjasama daripada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Pusat itu berfungsi sebagai pusat krisis dan drop-in 24 jam yang menyediakan makanan, aktiviti, terapi, pengurusan kes, dan program pendidikan untuk kanak-kanak dan remaja yang berisiko di sekitar kawasan Chow Kit.

Program pendidikan itu disediakan kepada golongan kanak-kanak yang tidak dapat bersekolah di sekolah kerajaan.

Misalnya, kerana ketiadaan dokumen lengkap untuk pendaftaran sebagai warganegara, walaupun lahir di Malaysia.

Malah ada juga dalam kalangan mereka adalah pelarian. Menceritakan kisah kewujudan YCK, kata figura berusia 61 tahun itu, beliau pulang ke Malaysia pada tahun 2001 selepas menamatkan Ijazah Kedoktoran dalam bidang Pendidikan di Columbia University, New York.

Pada waktu itu beliau bercita�cita mahu menjadi guru Bahasa Inggeris.

Namun, selepas menjadi sukarelawan untuk sebuah pertubuhan bukan kerajaan, beliau mula mengubah fikiran dan melupakan cita-citanya itu.

"Saya hendak jadi cikgu, tetapi apabila melihat anak-anak di ibu kota ini ada yang tidak makan dan hidup dalam serba kekurangan, saya rasa terpanggil untuk buat sesuatu.

"Daripada situ timbulnya idea untuk membuat satu tempat berteduh dan perlindungan yang akhirnya membentuk YCK.

Setiap kanak-kanak tidak kira latar belakang, akan dijaga, diberi perlindungan dan pendidikan," katanya.

**TEMPAT BERLINDUNG**

Walaupun tidak mempunyai zuriat sendiri, ibu tunggal kepada empat orang anak angkat ini tetap mempunyai naluri keibuan
yang mendalam apatah lagi apabila melihat anak-anak kecil yang 'dahagakan' perhatian dan sokongan.

"Saya hanya nak memberikan perlindungan yang mereka perlukan. Sediakan keperluan mereka daripada segi tempat untuk makan, mandi dan bersosial dengan selamat.

"Kebanyakan yang ada di sini adalah anak daripada keluarga B40, 40 peratus pelarian dan 60 peratus lagi anak tempatan,"
katanya.

Kasih sayangnya itu bukan sekadar omong kosong, wanita asal Johor Bahru, Johor itu memang benar-benar berjiwa keibuan apabila sering memerah otak walaupun sekadar untuk menghantar selimut dan selipar kepada anak-anak pelarian di pusat transit.

"Pernah suatu ketika di pusat transit tahanan di Nilai, saya mengusahakan satu kontena untuk dibawa masuk demi keselesaan mereka.

"Pada ketika itu, kontena itu tidak dapat melepasi pagar dan saya mencari cara dengan memanggil kren untuk mengangkat kontena itu ke dalam kawasan tersebut.

"Malah, saya juga pergi mencari tuala serta selipar untuk kegunaan mereka supaya anak-anak itu rasa selesa," ujarnya lagi.

Usaha murni itu sekaligus membuktikan betapa wanita berdarah campuran Melayu dan Cina ini mempunyai jiwa besar terhadap kanak-kanak.

Perkara itu juga jelas dilihat melalui tutur katanya, sementelah pertemuan kami pada petang itu banyak berkisarkan soal anak-anaknya.

**UBAH STIGMA NEGATIF**

Usahanya selama 16 tahun itu adalah untuk mengubah stigma negatif masyarakat terhadap anak-anak Chow Kit.

Jiwanya yang penyayang, tidak tega melihat insan kecil itu didiskriminasi hanya kerana latar belakang dan asal-usul.

"Kanak-kanak ni, walau dari mana asal-usul mereka, sama ada dari kejiranan kaya atau tidak, mereka tetap kanak-kanak.

"Saya yakin mereka boleh berjaya dan menjadi seseorang yang hebat asalkan ada sokongan dan dukungan," kongsinya Tegas beliau, setiap anak-anak di bawah jagaanya akan dibantu sedaya-upaya menggunakan sumber-sumber yang ada bagi membentuk generasi masa depan
yang berjaya.

**LOKASI LEBIH LUAS**

Penerima anugerah Social Activist of the Year 2015 itu, bercita-cita memindahkan institusi mereka ke tempat lebih
besar dan luas.

Beliau mahu menjadikan ia pusat sehenti untuk inovasi sosial, impak dan pelaburan dengan memperkemas programnya selain memberi
tumpuan kepada beberapa tonggak perlindungan sosial.

"Giliran menunggu kanak-kanak yang tidak bersekolah adalah seramai 300 orang, jadi kami memerlukan ruang lebih luas untuk aktiviti dan
pembelajaran yang selesa.

"Kami mengharapkan lebih ramai yang akan menghulur tangan membantu kami untuk membantu anak-anak kecil ini.

"Huluran bantuan diharapkan bukanlah semata-mata wang ringgit, namun sokongan ikhlas yang akan membantu kanak-kanak
membesar dengan baik. Masa depan mereka, bergantung sepenuhnya kepada tindakan kita, orang dewasa," katanya mengakhiri bicara.

# 4 beradik dalam jagaan baik - Nancy

BERNAMA




Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri menyampaikan ucapan pada Pelancaran Hari Antarabangsa Penghapusan Keganasan Terhadap Wanita 2023 di sebuah hotel hari ini. FOTO BERNAMA

Kuala Lumpur: Empat beradik termasuk seorang bayi berusia 10 bulan yang dipercayai ditinggalkan di hadapan pondok pengawal Kompleks Pentadbiran Daerah Perak Tengah (MDPT), Seri Iskandar, Perak semalam sudah dibawa ke hospital bagi pemeriksaan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata mereka dibawa ke hospital oleh pegawai kementeriannya.

"Setelah dibawa ke hospital, pihak kementerian masih perlu mendapatkan perintah daripada mahkamah untuk membawa kesemua kanak-kanak itu ke institusi di bawah kementerian. Mereka kini dalam jagaan baik," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita di sini hari ini.

Beliau turut berterima kasih kepada orang ramai yang berkongsikan maklumat sekali gus membolehkan kementeriannya bertindak segera terhadap kes berkenaan.

Terdahulu, Bernama melaporkan empat beradik yang terdiri daripada dua lelaki berusia 11 dan 3 tahun, bayi lelaki berusia 10 bulan serta kanak-kanak perempuan berusia 6 tahun ditemukan ditinggalkan di kompleks berkenaan.

Sementara itu, mengulas mengenai Tribunal Anti Gangguan Seksual, beliau berkata presiden, timbalan presiden serta 10 anggota tribunal berkenaan akan dilantik dalam masa terdekat.

Menurut Nancy tribunal itu akan beroperasi sebelum Januari 2024.

Dalam ucaptama pada majlis pelancaran berkenaan, Nancy berkata menangani keganasan terhadap wanita merupakan tanggungjawab bersama dan semua pihak perlu memainkan peranan dalam memastikan tempat kerja adalah persekitaran yang selamat dengan tiada toleransi terhadap sebarang gangguan atau keganasan.

Beliau berkata kementeriannya dalam peringkat akhir mengemas kini Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga yang menjadi rujukan dan panduan kepada agensi berkaitan bagi menyelaras dan mengendalikan kes berkenaan dengan berkesan.

**Disiarkan pada: November 24, 2023 @ 10:51pm**

# Lawyers concerned over grey areas in Anti-Sexual Harassment Act

The panellists at a law conference say wide powers given to the tribunal, no legal representation and the finality of the awards are areas that need to be given attention.

FMT Reporters - 25 Nov 2023, 5:54pm

14 Shares | Share | Tweet | Share | Email




*The panellists and moderator Federal Court judge Mary Lim at the Iskandar Law Conference in Johor Bahru.*

PETALING JAYA: A panel of lawyers at a law conference in Johor Bahru have raised several concerns in the new Anti-Sexual Harassment Act 2022 which is currently being enforced in stages.

Speaking during a panel session at the Iskandar Law Conference here, they said the Act appeared to be overly protective of the victim, gave wide-ranging powers to the tribunal with no right of legal representation unless complex legal issues had been raised.

*Stay up-to-date by following FMT's* ***Telegram*** *channel* FMT

Former Selangor Bar chief V Kokila Vaani said based on the composition of the tribunal, not allowing representation rights to both parties was alarming.

"Under the law, the tribunal's president and his deputy will be from the judicial and legal services with five other members with at least seven years of legal background. Another five will be those who have dealt with matters relating to sexual harassment.

"Having this composition, you need to at least explain the legal issues involved. Thus, not being legally represented may be alarming," she said.

Senior lawyer NG Vinod said the Act appeared to favour the complainants as once the case was initiated, the parties could not go to court.

"So if someone decides to lodge a complaint against a person and the respondent is not comfortable and wants the civil court to hear the case, he is not able to do so," Vinod said.

The lawyers also expressed concern over the finality of tribunal awards as they could not be challenged in a court of law.

Vinod said there seemed to be so much power vested with the tribunal that it appeared to be more powerful than the arbitration court.

"There is only one room for setting aside the award by the tribunal which is if there are serious irregularities. Other than that, the powers are so extensive that you just cannot challenge their decision.

"In arbitration, you have the breach of natural justice clause to challenge an award. Here you don't have that," he said.

Federal Court judge Mary Lim, who was moderating the panel said considering the tribunal's decision would be final, and it had the power to decide on what constituted complex issues of the law before deciding on allowing legal representation, it appeared to be a quasi-judicial body.

"After the tribunal finds that an offence has been committed, there can be orders on compensation. Now we are looking at an order as if it is an order of the court," she added.

Kokila Vaani said there appeared to be no safeguards to prevent frivolous or false complaints or redress for those whose reputation might have been damaged by these irresponsible actions.

"This is vital as it can result in serious harm to victims of false complaints," she added.

**Negotiated settlement**

The panellists also expressed uneasiness over the clause which allows the tribunal to assist the parties involved to negotiate a settlement for a compensation, saying it might not be an effective section.

"If the assisting tribunal fails to find a settlement, the same tribunal will give out an award. Civil courts don't do this, they refer them to mediation centres. This is so that the judges who are going to hear the case would not be influenced by any factor brought up during the mediation," Vinod said.

Adding to this concern, Lim said this seemed to suggest that the tribunal would sit down, put on a slightly different hat and consider if they should nudge the parties in the direction of a negotiation.

"The tribunal will have to first form a view whether or not it is appropriate under the circumstances," she added.

My Iskandar Sdn Bhd jointly organised the conference with Law Chambers of Vin Sa & Ian. FMT was the media partner for the event.

# Wanita dicabul ketika dapatkan rawatan buang saka

Oleh Badrul Hafizan Bin Mat Isa 25 November 2023, 8:15 pm

JEMPOL: Seorang wanita dicabul seorang pengamal perubatan tradisional berusia 65 tahun ketika mendapatkan rawatan membuang saka dalam kejadian di sebuah kampung di Batu Kikir di sini kelmarin.

Ketua Polis Daerah Jempol, Superintenden Hoo Chang Hook berkata, mangsa berusia 50 tahun dan beralamat di Sepang, Selangor telah membuat laporan polis semalam dan suspek ditangkap sejurus selepas laporan dibuat.

Menurutnya, berdasarkan siasatan kejadian berlaku sekitar pukul 4.30 petang semasa mangsa ke kediaman suspek untuk berubat secara tradisional kerana merasakan mempunyai saka di dalam badan.

"Suspek telah mengarahkan mangsa untuk minum segelas air dan meminta mangsa berbaring di atas tilam yang diletakkan di beranda rumah.

"Semasa membuat rawatan suspek telah menekan badan mangsa dengan bantuan isteri suspek. Selepas isteri suspek masuk ke dalam rumah, suspek telah memasukkan tangan ke dalam pakaian mangsa dan menyentuh bahagian badan mangsa yang tidak sepatutnya," katanya kepada pemberita, di sini, hari ini.

Jelas Chang Hook lagi, mangsa telah mendapatkan rawatan di Hospital Jempol selepas kejadian berkenaan dan kes kini disiasat di bawah Seksyen 354 Kanun Keseksaan.

Menurutnya, suspek mempunyai satu rekod lampau pada tahun 2010 di bawah Seksyen 420 Kanun Keseksaan kerana melakukan penipuan.

"Suspek yang telah ditangkap kini telah diberi jamin polis kerana faktor kesihatan setelah siasatan selesai dan siasatan lanjut masih dijalankan," katanya.-UTUSAN.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BAYI 22 BULAN SUDAH JALANI 4 PEMBEDAHAN | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR : | BERITA HARIAN AHAD |
| TARIKH | : | 26 NOV 2023 | M/SURAT : | 17 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Bayi 22 bulan sudah jalani 4 pembedahan



*Mohamad Sabri menunjukkan keadaan anaknya yang menghidap ketumbuhan besar dalam mulut.* (Foto Siti Rohana Idris/BH)

## Nur Iman ada ketumbuhan dalam mulut perlu terima rawatan hingga usia 12 tahun

Oleh Siti Rohana Idris
bhnews@bh.com.my

**Kota Bharu:** Dalam usia baru menginjak 22 bulan, Nur Iman Mohd Sabri sudah menjalani empat siri pembedahan besar dan hospital pula sudah dianggap seperti rumah keduanya.

Dilahirkan dengan penyakit *Benign epignathus teratoma*, iaitu ketumbuhan besar dalam mulut yang menutup seluruh hidung dan mulut hingga menyukarkannya makan dan bernafas.

Dia juga tidak memiliki lelangit, gusi pula tidak normal, lidah terbelah dua dan hidung serta mulut tidak sempurna.

Menurut bapanya, Mohamad Sabri Ariffin, 29, anak kedua itu sudah menjalani pembedahan sejak berusia tiga bulan, terakhir pada Januari lalu, membabitkan pembedahan untuk membentuk dagu serta bibir.

"Ketika dalam kandungan, doktor tidak mengesan sebarang kecacatan pada bayi, tapi sebaik dilahirkan, kami terkejut melihat keadaannya yang menyedihkan," katanya yang ditemui ketika menerima kunjungan Pengerusi Cempaka Merah Asnaf Society, Che Norhayati Mohamed yang menyerahkan sumbangan zakat.

Mohamad Sabri berkata, isterinya, Nor Fazlina Ibrahim, 39, pada awalnya tidak dapat menerima kenyataan dan sepanjang tiga bulan asyik menangis mengenangkan keadaan Nur Iman sehingga perlu dirujuk kepada pakar psikiatri, namun lama-kelamaan reda dengan takdir.

Katanya, banyak lagi siri pembedahan perlu dijalani anak bongsu itu dan doktor menjangka semua prosedur mengambil masa sehingga usianya 12 tahun.

### Kesan ketumbuhan di kepala

"Baru-baru ini doktor membuat ujian imbasan tomografi berkomputer (CT Scan) dan mengesan ada ketumbuhan di kepala.

"Untuk rawatan itu, kami memerlukan RM9,000 kos pembelian alat yang perlu dipasang pada tubuh Nur Iman untuk membuang cecair berkaitan.

"Kami minta sedikit masa kerana selain kekangan wang, biarlah Nur Iman berehat dahulu.

"Walaupun tidak dapat bersuara, selain hanya terlantar di katil, dia menunjukkan tindak balas jika namanya dipanggil dan kami berdoa ada keajaiban buatnya. Biarlah dia jadi normal walau tidak sepenuhnya," katanya.

Mohamad Sabri yang sudah berhenti kerja dalam bidang pembinaan sejak Nur Iman dilahirkan, kini langsung tiada pendapatan kerana perlu menguruskan anak itu yang memerlukan penjagaan rapi.

Buat masa sekarang, dia dan keluarga hanya bergantung pada wang simpanan yang semakin berkurang, selain bantuan sanak saudara dan elaun bulanan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang diterima Nur Iman sebanyak RM700 sebulan.

"Perbelanjaan untuknya agak besar kerana selain lampin pakai buang dan susu khas, keperluan perubatan perlu disediakan, termasuk kos ulang alik kami dari Jerteh, Terengganu ke Hospital Universiti Sains Malaysia di Kubang Kerian jika ada janji temu," katanya.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | ANGKA KES DERA KANAK-KANAK SEMAKIN MEMBIMBANGKAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 26 NOV 2023 | M/SURAT | : | 11 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR | : | KPWKM |


# Angka kes dera kanak-kanak semakin membimbangkan

**Kuala Lumpur:** Kes penderaan kanak-kanak termasuk di taska dan pusat jagaan kanak-kanak menunjukkan aliran peningkatan membimbangkan sejak dua tahun lalu.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri berkata, ia berikutan kes penderaan kanak-kanak dilaporkan di negara ini pada tahun lalu meningkat 626 kes berbanding hanya 6,144 kes pada 2021.

Beliau berkata, sebanyak 5,216 kes penderaan kanak-kanak pula diterima Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setakat Ogos lalu dan ia amat membimbangkan.

"Angka penderaan kanak-kanak perempuan merekodkan jumlah tertinggi iaitu seramai 3,348 orang manakala kanak-kanak lelaki seramai 1,868 orang.

"Semakin hari, semakin banyak kes penderaan dilaporkan. Berbanding tahun sebelumnya jumlahnya meningkat.

"Kes bertambah disebabkan orang ramai kini semakin peka dan sedar melaporkan penderaan yang berlaku di sekitar mereka berbanding sebelum ini.

"Selain itu, media sosial juga membantu sesuatu kes penderaan itu diketahui lebih cepat, secara tidak langsung mereka dapat kes dapat dilaporkan dengan cepat," katanya.

Dalam pada itu, Nancy berkata, kes penderaan kanak-kanak bukan sahaja berlaku di rumah yang dilakukan ibu bapa serta penjaga kanak-kanak.

Malah, katanya, ia juga kini berlaku dan menular di taska dan pusat jagaan kanak-kanak.

"Pengusaha taska mempunyai tanggungjawab bagi memastikan tidak berlaku kes penderaan di premis mereka.

"Kita semua sedar dengan peningkatan kes kanak-kanak yang menjadi mangsa penderaan dan penganiayaan dan ia perlu diberi perhatian serius.

"Justeru, kita perlu memperkasa kanak-kanak supaya mereka berupaya bertindak sekiranya berlaku ancaman," katanya.

| | | | | |
|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | BANYAK SOROK DARIPADA LAPOR | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 26 NOV 2023 | M/SURAT : | 11 |
| TONE | : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |


KES DERA KANAK-KANAK DI TASKA, RUMAH PENGASUH

# BANYAK SOROK DARIPADA LAPOR

Oleh Suliati Asri, Nurul Husna Mahmod dan Nurul Hidayah Bahaudin
am@hmetro.com.my



PERSEKITARAN selamat penting untuk menjamin kesihatan mental dan fizikal anak-anak.

**Kuala Lumpur**

Jumlah sebenar kes penderaan kanak-kanak membabitkan taska atau pengasuh lebih tinggi berbanding statistik dikumpulkan Polis Diraja Malaysia (PDRM) berikutan banyak kes sengaja tidak dilaporkan.

Pegawai Sosial Pusat Kesedaran Wanita Pulau Pinang, Asmar Hamariyah Ahmad Bakhari berkata, pihaknya mengandaikan lebih banyak kes penderaan kanak-kanak disorok keluarga mangsa berbanding dilaporkan.

"Rekod kes penderaan kanak-kanak yang kami tangani bagi tahun 2022 adalah sebanyak 114 kes berbanding 109 kes bagi tempoh sama tahun sebelumnya.

"Antara kes dilaporkan membabitkan penderaan oleh pengasuh. Berdasarkan pengamatan saya, kes penderaan ini kerap dilakukan individu yang menawarkan khidmat asuhan persendirian di rumah atau tidak berdaftar.

"Kami mengandaikan lebih banyak kes tidak dilaporkan kerana hubungan rapat sama ada pengasuh itu adalah ahli keluarga sendiri atau kenalan rapat.

"Selain dilema ibu bapa, faktor menempatkan anak mereka ke pusat taska mengikut kemampuan kewangan menyebabkan mereka tidak punya pilihan," katanya.

Asmar berkata, pihaknya berharap kerajaan memiliki mekanisme untuk membantu ibu bapa memiliki persekitaran selamat bagi membesarkan anak mereka.

"Masalah taska atau anak diasuh oleh individu atau perseorangan perlu juga dipantau. Pengasuh ini perlu mematuhi standard operasi dalam menawarkan khidmat sebagai pengasuh.

"Ibu bapa yang bekerja mengharapkan anak mereka berada dalam persekitaran selamat," katanya.

> "Kami andaikan lebih banyak kes tidak dilaporkan kerana hubungan rapat
> Asmar

Dia turut menekankan peranan ibu bapa supaya selalu menyemak keadaan anak setiap hari, baik pemeriksaan fizikal dan emosi bagi mengesan jika berlaku sesuatu buruk kepada anak masing-masing.

"Andai ada gejala anak menunjukkan rasa tidak selesa, ketakutan, stres termasuklah menangis keterlaluan setiap kali dihantar ke taska, rujuklah kepada pakar untuk mendapatkan pemeriksaan lanjut," katanya.

Sementara itu, Pengusaha Taska Alam Rimbaku Bandar Baru Bangi, Zunirrah Mohd Zamri berkata, peranan penting perlu dimainkan pengusaha taska bagi membendung isu penderaan kanak-kanak oleh pengasuh.

"Pengusaha 'tunggak' kepada perkhidmatan asuhan kanak-kanak dan mereka perlu memantau pengasuh bagi mencegah insiden penderaan berlaku.

"Taska berdaftar yang diwajibkan memasang kamera litar tertutup (CCTV) di premis oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat adalah antara usaha menangani isu terbabit.

"Teknologi dan elemen manusia (pengusaha) yang memantau setiap tindak tanduk pengasuh boleh membantu mengekang masalah terbabit.

"Perlu diingatkan, pengasuh juga adalah manusia dan mereka juga ada masalah sendiri iaitu keluarga, kawan-kawan dan stres. Kadangkala mereka hilang pertimbangan," katanya.

Pengalaman mengusahakan taska sejak 2016, menyebabkan Zunirrah tidak boleh ambil ringan terhadap tugas memantau dan juga menyerahkan tugas itu kepada penyelia.

"Saya perlu turun dan buat pemeriksaan tersendiri kerana jika sesuatu berlaku pada taska. Saya juga antara pihak bertanggungjawab," katanya.

## ANTARA KES PENDERAAN BAYI DI TASKA ATAU PUSAT ASUHAN

**10 Jan 2023** — Seorang bayi lelaki berusia empat bulan koma dipercayai didera pengasuh sebuah pusat jagaan kanak-kanak berdaftar di Batu Burok, Kuala Terengganu. Mangsa mengalami kecederaan serius iaitu pendarahan di dalam otak dan keretakan pada tempurung kepala sehingga perlu dirawat di Unit Rawatan Rapi Kanak-Kanak *(PICU)* Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ).

**13 Mei 2023** — Seorang pengasuh wanita ditahan kerana dipercayai mendera bayi lelaki berusia tujuh bulan ketika berada di bawah jagaannya di Taman Universiti, Johor Bharu.

**10 Julai 2023** — Seorang pengurus dan dua guru taman asuhan kanak-kanak (Taska) di Taman Meru Perdana 2, Ipoh, ditahan polis susulan kes dera lima kanak-kanak di taska berkenaan. Ketiga-tiga wanita berumur antara 26 hingga 51 tahun itu ditahan selepas mangsa cedera di lengan kiri ketika diambil keluarganya.

**1 Ogos 2023** — Seorang kanak-kanak lelaki disyaki menjadi mangsa dera dua wanita yang mana seorang daripadanya adalah ibu kandungnya. Kejadian menimpa kanak-kanak itu terbongkar selepas jiran menyerbu rumah diduduki dua beranak itu bersama kenalan ibu mangsa.

**10 Ogos 2023** — Wanita berusia 27 tahun dan juga pengasuh Taman Asuhan Kanak-Kanak (Taska) di Luyang, Kota Kinabalu, Sabah, ditahan polis selepas, mendera kanak-kanak lelaki berusia empat tahun. Mangsa ditendang, ditampar dan rambut ditarik pengasuh terbabit. Mangsa turut dipukul menggunakan pembaris di bahagian muka dan kepala berkali-kali ketika hendak makan.

**5 Sep 2023** — Seorang pekerja wanita pusat asuhan diberkas dipercayai terbabit dalam kes penderaan seorang kanak-kanak berusia dua tahun di sebuah pusat jagaan di Bandar Sri Permaisuri Cheras, Kuala Lumpur.

**8 Nov 2023** — Seorang bayi lelaki berumur setahun lima bulan meninggal dunia dipercayai didera teman lelaki ibu kandungnya hingga mengalami kebocoran usus kecil di Besut, Terengganu,

**19 Nov 2023** — Bayi perempuan berusia empat bulan mengalami patah paha kanan dipercayai dipulas pengasuh berusia 25 tahun di sebuah pusat asuhan di Dengkil, Selangor.



INFOGRAFIK Metro

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | DIHANTAR KE HOSPITAL UNTUK PEMERIKSAAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 26 NOV 2023 | M/SURAT | : | 05 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

4 KANAK-KANAK DITINGGAL DI PONDOK JAGA

# Dihantar ke hospital untuk pemeriksaan

**Kuala Lumpur:** Empat beradik termasuk seorang bayi berusia 10 bulan yang dipercayai ditinggalkan di hadapan pondok pengawal Kompleks Pentadbiran Daerah Perak Tengah (MDPT), Seri Iskandar, Perak pada Khamis sudah dibawa ke hospital bagi pemeriksaan.

Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Seri Nancy Shukri berkata, mereka dibawa ke hospital oleh pegawai kementeriannya.

"Selepas dibawa ke hospital, kementerian masih perlu mendapatkan perintah daripada mahkamah untuk membawa semua kanak-kanak itu ke institusi di bawah kementerian. Mereka kini dalam jagaan baik," katanya selepas melancarkan Hari Menangani Keganasan Terhadap Wanita di sini, kelmarin.

Beliau turut berterima kasih kepada orang ramai yang berkongsikan maklumat, sekali gus membolehkan kementeriannya bertindak segera terhadap kes berkenaan.

Terdahulu, kisah empat beradik yang terdiri daripada dua lelaki berusia 11 dan 3 tahun, bayi lelaki berusia 10 bulan serta kanak-kanak perempuan berusia 6 tahun ditemukan ditinggalkan di kompleks itu.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah Superintendan Hafezul Helmi Hamzah berkata maklumat berhubung kejadian itu diterima melalui Pegawai Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) daerah sekitar 5.39 petang.

Sementara itu, mengulas mengenai Tribunal Anti Gangguan Seksual, beliau berkata, presiden, timbalan presiden serta 10 anggota tribunal akan dilantik dalam masa terdekat.



NANCY

Menurut Nancy tribunal itu akan beroperasi sebelum Januari 2024.

Dalam ucaptama pada majlis pelancaran berkenaan, Nancy berkata, menangani keganasan terhadap wanita merupakan tanggungjawab bersama dan semua pihak perlu memainkan peranan dalam memastikan tempat kerja persekitaran yang selamat dengan tiada toleransi terhadap sebarang gangguan atau keganasan.

Beliau berkata, kementeriannya dalam peringkat akhir mengemas kini Garis Panduan Pengendalian Kes Keganasan Rumah Tangga yang menjadi rujukan.

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | KANAK-KANAK JADI MANGSA DERA PENGASUH TASKA TAK TERLATIH | | |
| HARI : | AHAD | AKHBAR : | METRO AHAD |
| TARIKH : | 26 NOV 2023 | M/SURAT : | 10 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |

# Kanak-kanak jadi mangsa dera pengasuh taska tak terlatih


ANISA

**Kuala Lumpur:** Kebanyakan kes penderaan terhadap bayi atau kanak-kanak membabitkan taska tidak berdaftar selain pengasuh tidak mendapat latihan sewajarnya.

Presiden Persatuan Pengasuhan dan Perkembangan Awal Kanak-kanak Berdaftar Malaysia (PPBM) Anisa Ahmad berkata, kerajaan perlu lebih serius memantau pengusaha taska tidak berdaftar bagi mencegah kes penderaan membabitkan pengasuh.

"Melalui pengamatan saya, kebanyakan kes penderaan bayi atau kanak-kanak oleh pengasuh dilaporkan membabitkan pengasuh di taska tidak berdaftar atau taska yang tiada pemantauan pengusahanya.

"Pihak berwajib wajar mengambil perhatian lebih serius terhadap kewujudan taska tidak berdaftar tanpa mengira siapa pemiliknya.

"Begitu juga dengan taska yang pernah mempunyai 'track record' kes penderaan... perlu ada penguatkuasaan dan pemantauan rapi bagi mengelak kejadian sama berulang," katanya.

Anisa berkata, tidak hanya pihak berwajib, peranan utama perlu dimainkan ibu bapa supaya perlu lebih selektif dalam memastikan taska didiami memenuhi ciri selamat atau bebas daripada insiden penderaan pengasuh.

"Tugas mengasuh anak kecil bukan mudah dan memerlukan ketahanan diri termasuklah emosi.

"Penderaan boleh terjadi atas faktor tertentu dialami pengasuh seperti tekanan kerja, kehidupan atau apa sahaja yang mencetuskan sifat buruk itu.

"Ibu bapa boleh ambil langkah pencegahan dengan memastikan taska bakal dipilih mematuhi syarat ditetapkan oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) termasuklah nisbah bilangan pengasuh dengan kanak.

"Contohnya bagi kanak-kanak di bawah usia setahun, nisbahnya pengasuh disyaratkan adalah seorang pengasuh bagi tiga kanak-kanak.

"Sementara itu bagi kanak-kanak berusia setahun ke atas hingga tiga tahun, seorang pengasuh disyaratkan menjaga maksimum lima kanak-kanak," katanya.

Tambah Anisa, pengasuh juga perlu mematuhi syarat kelayakan iaitu lulus Kursus Asuhan dan Didikan Awal Kanak-kanak Permata Negara membolehkan mereka layak mengasuh kanak-kanak.

"Pengasuh dilatih biasanya boleh menangani ragam kanak-kanak lebih terkawal dan profesional berbanding pengasuh yang tidak mengikuti sebarang latihan.

"Mereka sedar tanggungjawab dan kepentingan profesyen sebagai seorang pengasuh. Taska berdaftar biasanya sudah mendedahkan pengasuh mereka dengan kursus berkaitan bagi memastikan pekerja kompeten dan isu berkait penderaan di taska dapat dielak," katanya.

| | | | |
|---|---|---|---|
| TAJUK : | LEBIH SEORANG DIDERA SETIAP HARI | | |
| HARI : | AHAD | AKHBAR : | METRO AHAD |
| TARIKH : | 26 NOV 2023 | M/SURAT : | 10 |
| TONE : | NEGATIF | SEKTOR : | KPWKM |




**964 SUSPEK BABITKAN PENGASUH, PENGASUH TASKA, PENJAGA DAN SUAMI PENGASUH**

# LEBIH SEORANG DIDERA SETIAP HARI

Oleh Suliati Asri, Nurul Husna Mahmod dan Nurul Hidayah Bahaudin
am@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Angka perbandingan menakutkan apabila lebih seorang bayi atau kanak-kanak menjadi mangsa dera penjaga pusat taska dan pengasuh hampir setiap hari sejak lebih lima tahun lalu.

Dapatan itu berdasarkan sejumlah 3,666 mangsa direkodkan didera di seluruh negara sepanjang tempoh 2018 hingga Jun 2023 atau bersamaan 2007 hari.

Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual Wanita dan Kanak-Kanak (D11) Bukit Aman, Asisten Komisioner Siti Kamsiah Hassan berkata, berdasar rekod diperolehi Polis Diraja Malaysia (PDRM), sebanyak 3,233 kes dera dilaporkan di seluruh negara membabitkan 3,666 mangsa.

"Daripada jumlah kes dan mangsa itu, seramai 3,264 suspek dikenal pasti dengan 964 suspek membabitkan pengasuh, pembantu rumah, pengasuh taska, penjaga dan suami pengasuh.

"Angka rekod ini termasuk suspek penjaga rumah anak yatim dan guru mangsa.

"Sikap tidak bertanggungjawab individu terutama pihak yang membuka pusat asuhan semata-mata untuk mendapatkan pulangan kewangan antara punca mendorong berlakunya kes dera," katanya,

Menurutnya, sikap tamak pusat asuhan yang menggaji pengasuh tidak terlatih dan tidak mempunyai ilmu penjagaan kanak-kanak juga mendorong kepada kes penderaan.

"Apabila pengasuh yang digaji tidak mempunyai ilmu, ia akan membawa kepada perasaan tidak sabar dengan karenah kanak-kanak.

"Tiada minat dan ilmu dalam mendidik dan mengawal kanak-kanak menyebabkan tindakan di luar kawalan yang mengancam nyawa bayi atau kanak-kanak di bawah jagaan pengasuh.

"Situasi ini boleh membawa kepada kemalangan seperti bayi tertangkup kain bedong atau napkin ketika tidur, tersedak susu dan tercekik makanan," katanya.

Beliau berkata, dari segi pengasuh, ada di antara mereka dikenali melalui jiran atau kenalan selain menerusi media sosial, manakala bagi guru pula membabitkan pelbagai peringkat dari taska, tadika, tuisyen, sekolah rendah, sekolah menengah hingga ke warden tahfiz.

Menurutnya, individu yang terbabit dengan kes penderaan kanak-kanak atau bayi boleh diambil tindakan berdasarkan kesalahan dilakukan mengikut Akta Kanak-Kanak 2001.

"Antara Seksyen yang digunakan dalam akta berkenaan adalah Seksyen 31(1) serta Seksyen 33 membabitkan pelbagai kesalahan termasuk pengabaian, penganiayaan dan penderaan.

"Selain itu, pelaku (suspek) kes dera juga boleh dikenakan tindakan undang-undang mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan jika membabitkan kematian (mangsa meninggal dunia)," katanya.

Justeru itu, pihaknya mahu isu keselamatan kanak-kanak ditangani semua pihak bukan sahaja ibu bapa tetapi juga penjaga, masyarakat serta kerajaan.

Katanya, kanak-kanak adalah golongan rentan yang perlu diuruskan dengan hemat dan cermat disebabkan faktor kematangan fikiran serta fizikal mereka tidak berupaya melindungi diri daripada ancaman membahayakan nyawa.

"Pihak pengasuh dan pusat jagaan kanak-kanak tidak hanya mementingkan keuntungan dan mencari jalan mudah dengan menawarkan perkhidmatan jagaan tanpa persediaan sewajarnya.

"Aspek pengetahuan, persiapan fasiliti selamat untuk kanak-kanak serta pengasuh dan pekerja amanah dengan kelayakan adalah perkara penting yang perlu diteliti.

"Pihak yang bertanggungjawab ini juga perlu sentiasa memantau pengoperasian pusat asuhan supaya mematuhi keperluan dan syarat ditetapkan selain mengkaji serta membuat penambahbaikan prosedur operasi standard (SOP)," katanya.



SITI Kamsiah

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | NOVEMBER BULAN KELUARGA KEBANGSAAN | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | METRO AHAD |
| TARIKH | : | 26 NOV 2023 | M/SURAT | : | 07 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# NOVEMBER BULAN KELUARGA KEBANGSAAN

***KPWKM terus komited semai semangat kekeluargaan masyarakat menerusi konsep Kasih Madani***

Oleh Suliati Asri
suliati@hmetro.com.my

**Kuala Lumpur**

Bagi menyokong dan mengiktiraf sistem sokongan keluarga yang membantu ke arah pembangunan negara sejahtera dan pembinaan daya tahan negara, November setiap tahun diisytiharkan sebagai Bulan Keluarga Kebangsaan (BKK).

Mula diperkenalkan sejak 2012 kini menjadi acara tahunan yang dianjurkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) melalui agensinya Lembaga Penduduk dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN).

Bagi tahun 2023, dengan mengadaptasi konsep Malaysia Madani yang diperkenalkan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim pada akhir 2022, konsep Kasih Madani yang merujuk kepada lima nilai teras dalam keluarga iaitu Kasih Sayang, Akhlak, Sihat dan Selamat, Ilmu dan Harmoni.

Konsep ini diketengahkan melalui Kempen Kasih Madani: Keluarga Harmoni, Negara Madani, yang mempamerkan kepentingan agenda keluarga yang kukuh sebagai tulang belakang sebuah negara Madani yang progresif.

Melalui konsep ini juga, hasrat untuk meraikan perpaduan dan kepelbagaian yang menyerlahkan kepentingan peranan institusi keluarga dalam membina generasi lebih baik ditafsirkan melalui penganjuran Sambutan November Bulan Keluarga Kebangsaan 2023 (BKK 2023) iaitu kemuncak kepada kempen Kasih Madani.



KONSEP Kasih Madani pupuk lima nilai teras dalam keluarga iaitu kasih sayang, akhlak, sihat dan selamat, ilmu dan harmoni.

**3,000**
Bilangan ahli keluarga meriahkan KASIH Family Fun Walk.

### BKK 2023 DIDEDIKASIKAN UNTUK MEMUPUK HUBUNGAN KEKELUARGAAN

LPPKN dalam satu kenyataan berkata, November Bulan Keluarga Kebangsaan adalah sambutan untuk memupuk hubungan kekeluargaan.

Menurut kenyataan itu, inilah masa untuk masyarakat menghargai orang yang disayangi dengan menyatakan rasa terima kasih atas sokongan yang tidak berbelah bagi dan untuk merenungi mengenai kepentingan keluarga dalam kehidupan.

"Sambutan BKK ini bukan saja untuk meraikan ahli keluarga terdekat, tetapi juga peluang untuk mengiktiraf masyarakat yang lebih luas, kumpulan sokongan keluarga yang merangkumi setiap individu, kaum, dan agama," katanya.

Sambutan BKK juga adalah manifestasi kerajaan bagi mengiktiraf sistem sokongan keluarga yang membantu ke arah pembangunan negara sejahtera dan pembinaan daya tahan negara.

Sambutan ini juga dianjurkan secara meluas di seluruh negara dalam memastikan keseragaman dan komitmen utuh antara semua agensi Kerajaan ke arah usaha mencapai serta menjamin kesejahteraan institusi keluarga dan pembangunan sosial negara.

"Pelaksanaan BKK mampu memberi nilai pulangan kepada negara dalam bentuk pengukuhan kesejahteraan keluarga yang diukur berdasarkan Indeks Kesejahteraan Keluarga (IKK).



"Penghasilan IKK menjadi satu jajaran baharu kepada usaha kerajaan dalam memartabatkan institusi keluarga yang mana IKK dijadikan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) Nasional dalam Rancangan Malaysia Ke Sebelas (RMKe-11) dan Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12).

"Oleh itu, pelaksanaan BKK ini wajar diberi perhatian dan disambut oleh semua pihak khususnya agensi Kerajaan kerana usaha yang holistik serta berterusan diperlukan.

"Ia bagi membantu keluarga berhadapan cabaran sosial dan ekonomi masa kini dan pada masa hadapan demi kesejahteraan keluarga," katanya.

Bertemakan "Keluarga Harmoni, Negara Madani", sambutan yang dilancarkan pada 4 dan 5 November lalu oleh Perdana Menteri di Dataran Putrajaya, Putrajaya ini amat sinonim dan seiring dengan modenisasi dalam kehidupan masyarakat masa kini.




ANWAR (kiri) ketika melancarkan Pakej Kasih Madani.

BKK 2023 ini juga adalah satu platform penting bagi menghargai kepentingan institusi keluarga yang menjadi cerminan kepada masyarakat yang stabil dan sejahtera.

Sepanjang dua hari itu, pelbagai aktiviti dan pengisian menarik dianjurkan antaranya KASIH Family Fun Walk dengan penyertaan daripada 3,000 ahli keluarga, Himpunan Keluarga Madani dengan penyertaan lebih 2,000 orang dari kalangan Sahabat Remaja KafeTEEN, komuniti Rukun Tetangga (KRT) dan Yayasan Sukarelawan Siswa (YSS).

Bukan itu saja, turut diadakan Mini Karnival Kasih Madani yang membawakan aktiviti santai masa bersama keluarga dengan penyertaan 240 keluarga dan Ekspo KASIH MADANI yang membawakan penyertaan lebih 45 agensi melalui empat segmen iaitu Kasih Keluarga, KASIH Remaja, Kesejahteraan Ekonomi dan Cuti-cuti Keluarga.

### ANUGERAH KHAS KASIH MADANI

Sebagai usaha untuk terus memperkukuhkan institusi keluarga melalui Sambutan BKK 2023, Anugerah Khas Kasih Madani yang mempunyai dua kategori iaitu Syarikat Korporat CSR dan Badan Bukan Kerajaan, diperkenalkan.

Bagi kategori pertama, anugerah ini diberikan kepada syarikat korporat yang memberikan sumbangan dalam bidang tanggungjawab sosial korporat (CSR), khususnya yang berfokus pada sumbangan kepada keluarga dan komuniti.

Kategori ini dimenangi Tenaga Nasional Berhad (TNB) atas sumbangan CSR dalam pelbagai projek kemasyarakatan.

Manakala bagi kategori kedua diberikan kepada badan bukan kerajaan (NGO) yang aktif menjalankan pelbagai aktiviti dan program yang memberi sumbangan yang signifikan kepada aspek kekeluargaan di dalam masyarakat di menangi oleh Pertubuhan IKRAM Malaysia.

Sepanjang November ini, BKK 2023 turut disambut di setiap negeri dengan pelbagai aktiviti berteraskan pengukuhan nilai dan keluarga.

### KUCHING DESTINASI PENUTUP BKK 2023

Sebagai penutup kepada Sambutan BKK 2023, LPPKN Sarawak akan menganjurkan Sambutan BKK 2023 peringkat Negeri Sarawak pada 26 November ini di pekarangan Masjid Darul Hana, Kuching yang akan disempurnakan oleh Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Datuk Seri Nancy Shukri.

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | MOSQUES AS CENTRES FOR VICTIMS | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | NEW SUNDAY TIMES |
| TARIKH | : | 26 NOV 2023 | M/SURAT | : | 10 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

DOMESTIC VIOLENCE

# MOSQUES AS CENTRES FOR VICTIMS

Twelve FT houses of worship to double as resource centres in effort to expand their roles

**KUALA LUMPUR**

A TOTAL of 12 mosques in the Federal Territories have been selected as centres for complaints and counselling for victims of domestic violence, providing advice, psychological support or counselling, said Women, Family and Community Development Minister Datuk Seri Nancy Shukri.

She also said that two mosques, the Federal Territory Mosque (Jalan Duta) and Al Ghufran Mosque (Taman Tun Dr Ismail) in Kuala Lumpur were chosen as transit centres for domestic violence victims, allowing them to seek protection.

"The ministry is collaborating with the Federal Territories Islamic Religious Department (Jawi) to establish transit centres for domestic violence victims, in mosques in the Federal Territories. This initiative will expand the functions of mosques as local community centres, which will provide facilities covering psychological and spiritual needs," she said in her speech at Eliminate Violence Against Women (EVAW), here yesterday.

Nancy said that the initiative had been carried out since 2021, under the Jawi's plan for mosques.

She said that the issue of domestic violence against women and girls was always the main focus, because it cut across borders, religion, race and culture.

She added that, based on a United Nations (UN) report, almost one in three women around the world experienced physical violence or sexual violence at least once in their lives.

"This tragedy has spread to various situations, including in public places, workplaces and online, as well as having been exacerbated by the effects of post-Covid-19. There are five identified forms of violence which can happen to women, namely physical, sexual, social and financial, as well as psychological and emotional abuse," she said.

"Threats, insults and degrading women are forms of psychological and emotional abuse."




*Datuk Seri Nancy Shukri speaking at the Eliminate Violence Against Women programme in Kuala Lumpur yesterday.* BERNAMA PIC

Nancy added that, based on police statistics, 9,334 cases of violence against women, involving domestic violence, rape and sexual harassment, were recorded in 2021 nationwide, and 8,580 cases last year. This year, as of August, 5,050 cases have been reported.

Nancy said that in dealing with the issue of domestic violence against women, the ministry had put in place the Anti-Sexual Harassment Advocacy (AAGS) so that the culture of normalising sexual harassment could be eliminated. As of Monday (Nov 20) a total of 66 AAGS programmes, involving 19,423 participants, had been carried out.

On a senior citizen allegedly committing sexual assault on two girls, at a temporary evacuation centre which housed flood victims in the Kuala Nerus district, Nancy said that the victims had been given counselling, while the suspect had been arrested. **Bernama**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | HUNT ON FOR PARENTS OF FOUR DITCHED KIDS | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | SUNDAY STAR |
| TARIKH | : | 26 NOV 2023 | M/SURAT | : | 06 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |

# Hunt on for parents of four ditched kids

**TRONG:** The Social Welfare Department is tracking down the parents of four children who were abandoned in front of a guard-house at the Perak Tengah District Administration Complex, Seri Iskandar.

Its Perak director Nor Tipah Majin said the department was investigating the case and efforts were being made to find the parents or family members of the children.

"The children are safe and have undergone health checks," she told reporters after opening the state-level 2023 Children's Day celebration at SK Sungai High here yesterday.

The four siblings, comprising two boys aged 11 and three, a 10-month-old boy, and a six-year-old girl, were believed to have been abandoned on Friday.

According to Perak Tengah district police chief Hafezul Helmi Hamzah, police were informed about the incident at 5.39pm, and when questioned, the 11-year-old boy claimed that they were kicked out of a house near Bota and driven to the complex in a car by a woman. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | JKM PERAK KESAN IBU BAPA EMPAT BERADIK DITINGGALKAN DI PONDOK PENGAWAL | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 26 NOV 2023 | M/SURAT | : | 08 |
| TONE | : | NEUTRAL | SEKTOR | : | KPWKM |



# JKM Perak kesan ibu bapa empat beradik ditinggalkan di pondok pengawal

**TRONG:** Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perak sedang mengesan ibu bapa kepada empat beradik yang ditinggalkan di hadapan pondok pengawal Kompleks Pentadbiran Daerah Perak Tengah (MDPT), Seri Iskandar, dua hari lepas.

Pengarah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Perak Nor Tipah Majin berkata, pegawai pelindung JKM juga sedang menjalankan siasatan lanjut berhubung kes tersebut.

"Setakat ini usaha mengesan ibu bapanya sedang dijalankan termasuk ahli keluarga yang dipertanggungjawabkan menjaga kanak-kanak ini, kita akan buat siasatan lanjut secara mendalam," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Sambutan Hari Kanak-Kanak Peringkat Negeri Perak 2023 di Sekolah Kebangsaan (SK) Sungai Tinggi di sini semalam.

Beliau berkata JKM juga akan menyemak segala dokumen kerana pelbagai spekulasi tentang kes ini telah dibuat dan JKM tidak mahu mengambil langkah terburu-buru dalam membuat tindakan seterusnya.

Empat kanak-kanak itu katanya juga berada dalam keadaan selamat selain telah menjalani pemeriksaan kesihatan.

Terdahulu, media melaporkan empat beradik terdiri daripada dua lelaki berusia 11 dan 3 tahun, bayi lelaki berusia 10 bulan serta kanak-kanak perempuan berusia 6 tahun ditemui ditinggalkan di kompleks berkenaan.

Ketua Polis Daerah Perak Tengah Superintenden Hafezul Helmi Hamzah berkata, maklumat berhubung kejadian itu diterima menerusi Pegawai JKM daerah pada 5.39 petang.

Menurut Hafezul Helmi berdasarkan keterangan diberikan, adik-beradik malang itu ditinggalkan di kawasan itu oleh seorang wanita menaiki sebuah kereta jenis Toyota.

Sementara itu, Nor Tipah turut berterima kasih kepada orang ramai yang berkongsikan maklumat sekali gus membolehkan pihaknya bertindak segera terhadap kes berkenaan.

"Saya lihat semua pihak di luar sana memberi tumpuan dan cakna kepada kes ini dan ia menunjukkan sikap yang amat baik masyarakat kita yang prihatin terhadap nasib yang menimpa kanak-kanak ini.

"Namun saya mohon agar diberikan ruang kepada agensi dan jabatan kerajaan yang bertanggungjawab untuk memastikan semua hak dan kepentingan kanak-kanak ini diberi keutamaan," katanya. — Bernama

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| TAJUK | : | WARGA EMAS HARUS JAGA KESIHATAN DIRI: FATIMAH | | | |
| HARI | : | AHAD | AKHBAR | : | UTUSAN BORNEO (SARAWAK) |
| TARIKH | : | 26 NOV 2023 | M/SURAT | : | 02 |
| TONE | : | POSITIF | SEKTOR | : | KPWKM |

# Warga emas harus jaga kesihatan diri: Fatimah




**RASMI: Fatimah (dua kanan) simbolik melakukan perasmian penangguhan program sambil disaksikan yang lain.**

**MUKAH:** Warga emas dan lanjut usia harus menitikberatkan penjagaan kesihatan mereka.

Menteri Pembangunan Wanita, Kanak-Kanak dan Kesejahteraan Komuniti Dato Sri Fatimah Abdullah berkata, golongan berumur harus pergi apabila ada temu janji kesihatan.

"Lebih baik mencegah daripada mengubati, dahulukan temu janji kesihatan anda," katanya pada program Kembara Agenda Nasional Malaysia Sihat Bahagian Mukah Daerah Dalat di Stadium Perpaduan Dalat, semalam.

Menurutnya, jika suatu masa dahulu pergi ke hospital hanya jika sakit, namun kini penyakit harus dihindari daripada peringkat awal.

Fatimah berkata, lebih-lebih lagi penyakit tidak berjangkit seperti jantung, darah tinggi, kencing manis dan sebagainya.

Mengenai program itu, beliau sangat mengalu-alukan kerjasama antara pihak kesihatan dan masyarakat.

"Ia secara langsung bakal mempertingkatkan kesedaran tentang kesihatan dalam kalangan masyarakat setempat," jelasnya.

Program yang diadakan dari jam 7 pagi hingga 5 petang itu menampilkan aktiviti seperti senaman, pemeriksaan kesihatan percuma, program derma darah dan banyak lagi.

Turut hadir Pegawai Kesihatan Bahagian Mukah Dr Huzaimah Husin.